



Elakkan membeli persiapan raya pada saat akhir.

[GAMBAR HIASAN]



INFO

Pengguna dilindungi

© Bagi melindungi pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mewujudkan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

© Skim berkenaan, **membabitkan enam musim perayaan** antaranya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Hari Krismas, Hari Gawai dan Pesta Keamatan.

© Di bawah skim ini **peniaga perlu mele-takkan label** berwarna merah jambu khusus bagi barangan terkawal saja dan label hendaklah menunjukkan harga bagi setiap unit, perihai dan gred atau kualiti barang berkenaan, tidak boleh menjual barang berkenaan, melebihi harga maksimum yang ditentukan dan memastikan bekalan barang harga terkawal yang dijual mencukupi.

© Di bawah Akta Perihai Dagangan 1972, iaitu di bawah Peraturan Perihai Dagangan (Jualan Murah) 1997, **pusat beli-belah** dikehendaki memaklumkan kepada KPDNKK melalui notis untuk mengadakan jualan murah.

© **Sewaktu jualan murah** juga, 70 peratus daripada keseluruhan barang yang dijual di pusat beli-belah hendaklah diberikan potongan harga.

Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof**
afzan@bh.com.my

Menjelang Aidilfitri, ramai yang berbelanja 'sakan' membeli pelbagai kelengkapan dan peralatan untuk meraikan sambutan hari mulia itu.

Ada sesetengah yang belum sampai hujung bulan poket sudah tipis dan terpaksa mengikat perut akibat tiada perancangan rapi untuk perbelanjaan raya.

Perluakah kita berbelanja sampai tak ingat dunia? Ada yang berkata, hari raya setahun sekali. Tidak meriah raya jika tiada aneka kuih-muih, baju, perhiasan, langsir, perabot baharu dan sebagainya.

Mengulas mengenainya, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata orang ramai sepatutnya membuat perancangan mengenai perbelanjaan mereka sebelum dan selepas raya supaya tidak terperangkap dengan hutang.

Katanya, perbelanjaan itu pula seharusnya sejajar dengan kemampuan dan pendapatan, tidak semua mesti dibeli.

"Bagaimanapun, itulah realitinya. Majoriti pengguna menunggu-nunggu Ramadan untuk membeli pelbagai kelengkapan menyambut

Aidilfitri kerana lazimnya kedai dan pusat beli-belah menawarkan harga murah dengan potongan harga.

"Saya cadangkan individu atau keluarga membuat persiapan Aidilfitri lebih awal, iaitu satu hingga tiga bulan sebelum Ramadan untuk mengelak berbelanja pada yang tidak perlu. Malah, ia bertujuan memberikan masa yang cukup untuk membuat simpanan dan membuat tinjauan di beberapa kedai atau pusat beli-belah untuk pembelian yang bijak dari segi kualiti, kuantiti dan harga," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.



“Cara terbaik ialah dengan **membuat tinjauan harga barangan itu di beberapa pasar raya untuk memastikan pembelian bijak dan berhemah”**

Dr Mohamad Fazli Sabri,
Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

Perbelanjaan meningkat 50 peratus

Perbelanjaan berhemah merujuk, cara individu atau keluarga menguruskan perbelanjaan mengikut keperluan.

Mohamad Fazli berkata, kajian dijalankan Prof Madya Dr Mumtazah Othman dan Nurhidayah Tina Abdullah dari Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, UPM ke atas 438 keluarga di Semanjung pada tahun 2009 mendapati, secara purata responden berbelanja lebih tinggi pada musim perayaan berbanding bulan biasa.

Kajian mendapati, peratus perbelanjaan untuk barangan seperti hadiah, jamuan, perabot dan pakaian meningkat lebih 50 peratus berbanding bulan biasa.

Secara umum, peningkatan perbelanjaan juga membabitkan barangan seperti makanan, minuman bukan alkohol, air, elektrik, gas dan



“Bajet keperluan raya tahun ini ialah RM1,000. Bagi saya, jumlah ini sesuai termasuk keperluan perbelanjaan dapur dan untuk duit raya. Pakaian dan biskut raya semuanya saya buat sendiri”

Noraini Saad,
Pengguna





» Rancang perbelanjaan, elak masalah hutang

Bajet Aidilfitri

Contoh perbelanjaan biasa dilakukannya semasa musim perayaan (suami, isteri dengan tiga anak)

- ⊙ Baju raya: RM500
- ⊙ Kuih raya: RM200
- ⊙ Duit raya: RM500
- ⊙ Juadah pagi raya: RM200
- ⊙ Penyelenggaraan kenderaan: RM200
- ⊙ Petrol dan tol (balik kampung): RM200
- ⊙ Kelengkapan rumah (perabot, langsir dan lain-lain): RM1000
- ⊙ JUMLAH: RM2,800

bahan api lain, perhiasan, perkakasan dan penyelenggaraan.

Ini jelas menunjukkan, pengguna berbelanja lebih ke atas kumpulan barangan dan perkhidmatan berkenaan pada musim perayaan dan secara tidak langsung ia menyumbang kepada kos sara hidup.

Perlukan RM2,000 hingga RM3,000

Kajian Dr Zuroni Md Jusoh dari Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA) pada tahun 2010, membabitkan 547 keluarga pula mendapati, wujud perbezaan ketara perbelanjaan pengguna sebelum dan ketika Aidilfitri.

Kajian mendapati, sebanyak 60.9 peratus keluarga berbelanja antara RM1,000 hingga RM3,000 ketika perayaan Aidilfitri. Justeru, dapat dilihat peningkatan yang ketara dari segi jurang perbelanjaan mereka.

Bagaimanapun, berdasarkan anggaran kasar sesebuah keluarga memerlukan antara RM2,000 sehingga RM3,000 untuk perbelanjaan pada musim perayaan dan ia menunjukkan berlakunya pembaziran

dalam perbelanjaan menyambut Aidilfitri.

Tawaran hanya gimik

Mohamad Fazli berkata, pusat beli-belah dan pasar raya sering mengadakan jualan murah sebagai gimik untuk memancing minat pelanggan.

“Cara terbaik ialah dengan membuat tinjauan harga barangan itu di beberapa pasar raya untuk memastikan pembelian bijak dan berhemah,” katanya.

Pengguna juga perlu tahu mengenai tawaran berkenaan untuk memastikan mereka tidak terperangkap dengan gimik peniaga.

Pengguna perlu bijak dan tidak hanya membeli dengan cara membi buta dan terpedaya dengan tawaran daripada peniagaan yang kurang beretika.



Saya memperuntukkan kira-kira **RM500 untuk membuat persiapan raya**. Bagi saya, biarlah kita berpada-pada dalam berbelanja bagi mengelakkan ‘ikat perut’ lepas raya. Sebagai langkah penjimatan, selain belajar menjahit baju sendiri, saya turut berusaha kuih dan biskut raya”



Indeks harga pengguna Ogos (2011 - 2013)

KUMPULAN UTAMA	OGOS 2011	OGOS 2012	OGOS 2013
Makanan dan minuman bukan alkohol	105.1	108.0	111.9
Minuman alkohol dan tembakau	104.6	104.8	109.1
Pakaian dan kasut	99.3	98.7	98.3
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	102.3	103.8	105.7
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	102.1	104.0	105.5
Kesihatan	103.1	104.9	106.9
Pengangkutan	104.8	104.8	105.4
Komunikasi	99.6	99.0	98.3
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	102.9	103.2	103.1
Pendidikan	102.4	104.7	107.4
Restoran dan hotel	106.5	109.2	111.8
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	103.2	104.4	104.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengguna perlu ada pengetahuan

Membeli-belah pelbagai keperluan untuk kelengkapan Aidilfitri pada musim perayaan bukan cara yang baik untuk merancang perbelanjaan kerana ketika itu ada sesetengah peniaga mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlipat kali ganda.

Mohamad Fazli berkata, setiap tahun harga barangan keperluan asas naik dan pada masa sama peniaga juga menaikkan harga barang dengan alasan stok terhad.

“Dalam sistem ekonomi, ada penawaran dan permintaan. Lazimnya, apabila terdapat banyak permintaan ke atas sesuatu barangan atau perkhidmatan, penawaran kurang atau terhad, sekali gus memberikan kesan ke atas harga. Secara automatik harga menjadi lebih mahal,” katanya.

Mohamad Fazli berkata, peningkatan perbelanjaan dalam kalangan pengguna

boleh dilihat menerusi Indeks Harga Pengguna (IHP).

IHP bertujuan, mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi bakul tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia pada setiap bulan pada sesuatu jenis barang.

Elak tertipu

Beliau berkata, pengguna juga seharusnya bijak mengawal emosi dan nafsu berbelanja pada musim perayaan.

“Pengguna perlu mempunyai pengetahuan dan berhati-hati dengan tawaran itu. Bagi melindungi pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mewujudkan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antienclatutan 2011.

“Peniaga yang ingin mengadakan jualan murah diwajibkan menyenaraikan harga lama dan bagi barang yang ingin diadakan jualan murah, sebelum lesen jualan murah dikeluarkan,” katanya.

INFO

Elak belanja lebih

- ⊙ Lihat **kedudukan kewangan** semasa.
- ⊙ **Sediakan bajet khas** untuk Aidilfitri bersama pasangan atau ahli keluarga dengan membuat simpanan awal.
- ⊙ **Disiplin** ketika berbelanja. Sediakan senarai barang sebelum keluar membeli-belah dan pastikan anda mengikut senarai berkenaan sewaktu membeli-belah.
- ⊙ Tanya kepada diri sendiri, pasangan atau ahli keluarga sama ada pembelian berkenaan **satu keperluan atau hanya sebagai satu keinginan atau kehendak.**
- ⊙ **Buat perbandingan harga** dengan melakukan tinjauan ke beberapa kedai atau pusat beli-belah.
- ⊙ **Jangan bawa kad kredit** ketika membeli-belah dan gunakan kad debit.
- ⊙ **Elakkan membeli** pada saat-saat akhir.
- ⊙ **Berhati-hati** dan jangan mudah terpedaya dengan iklan.

CONTOH